

PENYATA RASMI
MESYUARAT KETIGA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12

SELASA, 9 SEPTEMBER 2008

BIL. 3 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Tuan Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
Dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
Dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M.Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Encik Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sopian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusa Jaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Dr. Shahrudin bin Md. Salleh,
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof,
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN
NEGERI JOHOR)**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Jurutulis baca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi dan salam sejahtera. Terlebih awal ucap selamat menyambut bulan puasa bulan Ramadhan, yang inilah masa untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat berhenti menghisap rokok.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah berkenan mengurniakan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat sempena Hari Keputeraan Baginda di Majlis Penyampaian Pingat pada 5 Ogos 2008, Yang Berhormat Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, Ahli Dewan Negeri Johor Kawasan Endau yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor bagi Portfolio Agama telah dianugerahkan Darjah Seri Paduka Mahkota Johor atau SPMJ yang membawa gelaran Dato'. (Dewan bertepuk).

Dengan sukacitanya pula dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus telah berkenan mengurniakan Darjah Dato' Setia Negeri Sembilan atau DSNS kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Halim bin Suleiman yang membawa gelaran Dato' pada 19 Julai 2008. (Dewan bertepuk).

Dengan ini, Dewan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman dan Yang Berhormat Dato' Abdul Halim bin Suleiman.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 19 dan 20 Tahun 2008.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 21 hingga 24 Tahun 2008.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 25 hingga 27 Tahun 2008.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Koh Chee Chai, jemput.

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 1. [Masalah tempat pembuangan sisa pepejal masih lagi berlaku

di Daerah Batu Pahat khususnya di DUN Penggaram sehingga menimbulkan banyak aduan daripada pembayar cukai. Bilakah Kerajaan dapat mengenal pasti tapak yang sesuai untuk pembuangan sisa pepejal ini di Daerah Batu Pahat?]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 2. [ISU PEMBUANGAN SISA PEPEJAL. Isu pembuangan sisa pepejal masih jadi isu utama di Negeri Johor. Apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang sedang disusun bagi mengatasi masalah ini?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akan jawab bersekali soalan nombor 1 dan nombor 2. Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan sentiasa sedar tentang permasalahan yang bangkit terhadap pengurusan sisa pepejal yang berlaku pada masa ini. Di mana berbagai langkah jangka pendek dan jangka panjang telah dan masih diusahakan secara berterusan bagi mengatasi masalah yang berlaku. Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pengurusan sisa pepejal pada masa ini dilaksanakan secara perjanjian sementara ataupun *interim* di antara syarikat konsesi SWM Environment dengan Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Johor di bawah projek penswastaan peringkat nasional. Mengikut perjanjian *interim* ini, ianya adalah hanya dijadualkan untuk tempoh 2 tahun sahaja iaitu yang terawalnya bermula pada tahun 1997, sebelum penswastaan sepenuhnya berkuat kuasa. Tetapi walau bagaimanapun, ia telah berlanjutan sehingga hampir 11 tahun. Dan ini memberi kesan yang agak besar kepada syarikat yang berkenaan. Perjanjian interim yang ditandatangani SWM Environment tidak kompetitif untuk ia membuat pelaburan secara besar-besaran terutamanya bagi proses penggantian *compactor* ataupun lori angkat sampah, khususnya yang telah pun berusia lebih 15 tahun kebanyakannya. Dan seterusnya ini menjejaskan kerja-kerja pungutan sisa pepejal di beberapa PBT di Negeri Johor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah ketiadaan tapak pelupusan sanitari seperti di daerah Batu Pahat juga menjadi faktor kepada ketidaklancaran kerja-kerja pungutan sisa pepejal di daerah tersebut. Pada masa ini, sisa pepejal bagi daerah Batu Pahat terpaksa dilupuskan di tapak pelupusan Ladang CEP iaitu di Simpang Renggam, berikutan keputusan Kerajaan pada 4 Julai 2007 yang menutupkan tempat pelupusan sisa pepejal sementara di Kampung Seri Wangi, Mukim 18, Batu Pahat. Dengan penutupan tapak tersebut, Kerajaan Negeri telah mengarahkan agar semua sisa-sisa pepejal domestik bagi kawasan MPBP ini dilupuskan di tapak pelupusan di Simpang Renggam. Disebabkan jarak ke tapak pelupusan di Simpang Renggam yang jauh, iaitu sejauh 70 km sehala serta mengambil masa sekitar 3 jam pergi balik, maka berlaku masalah pengangkutan sisa pepejal di Daerah Batu Pahat yang turut memberi kesan terhadap operasi kutipan sisa pepejal domestik khususnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam Rancangan Bersepadu Tapak Pelupusan Negeri Johor, sebuah stesen pemindahan sisa pepejal akan dibuat di Batu Pahat bagi menempatkan sementara sisa-sisa domestik sebelum dibawa

menggunakan lori pengangkut khas sisa pepejal ke tapak pelupusan sanitari yang pada asalnya dicadangkan dibina di Bukit Bindu. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada 30 Januari yang lalu, telah bersetuju untuk menangguhkan pelaksanaan pembinaan tapak pelupusan sanitari di Bukit Bindu berikutan bantahan daripada penduduk setempat. Oleh kerana itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama SWM telah membuat beberapa kajian tapak-tapak alternatif, pertama di Machap, tapi macam mana pun oleh kerana kawasan ini paras air bawah tanahnya yang tinggi dan kekurangan tanah bagi menutup dan menimbus kerja-kerja penyelenggaraan sisa pepejal, maka tapak ini adalah didapati tidak sesuai untuk dijadikan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari. Satu lagi tapak telah pun dikaji iaitu di Ladang Asiatic, Sri Gading. Tetapi juga tidak dapat, didapati tidak sesuai kerana kawasan tersebut cuma mempunyai 30 peratus kawasan bukit dan pihak pengurusan akan menghadapi masalah kekurangan tanah bagi penutupan dan kerja-kerja penyelenggaraan sisa pepejal. Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui kerjasama SWM telah melaksanakan kajian awal di sebuah tapak milik persendirian di Bukit Payung, Jalan Parit Sulong, Batu Pahat yang agak sesuai untuk pembinaan tapak pelupusan sanitari bagi zon tengah. Satu taklimat khas berhubung dengan cadangan tapak tersebut telah pun diberi kepada jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat iaitu Pejabat Tanah Daerah, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, BAKAJ serta jabatan-jabatan yang lain mengenai keputusan ini.

Sementara itu, bagi rancangan jangka pendek SWM akan berusaha meningkatkan tahap kemudahan dan peralatan seperti kenderaan serta meningkatkan status tapak pelupusan ke tahap yang lebih baik untuk mengurangkan kesan-kesan ke atas alam sekitar. SWM turut diarahkan oleh Kerajaan Negeri untuk segera mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah kutipan sisa pepejal. Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti:

- i. Menyusun laluan kutipan melalui jadual kutipan pada waktu malam dan kerja lebih masa.
- ii. Membeli *compactor* baru sejumlah 20 unit untuk digunakan bagi operasi di MBBB, MPJBT, MPKU dan MPM.
- iii. Menentukan mutu kerja dan perhubungan kerja yang baik sentiasa terjalin di antara SWM dengan kontraktor-kontraktor di bawah pengelolaannya.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan Negeri berharap dengan kelulusan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, maka pelaksanaan penswastan sepenuhnya yang melibatkan SWM dapat dilaksanakan pada awal tahun depan, sebagaimana yang telah diumumkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru-baru ini. Dengan berkuat kuasanya penswastan sepenuhnya itu, maka segala urusan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan ditadbir oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Dan adalah diharapkan dengan penyusunan semula ini, sistem pelupusan sisa pepejal di negeri ini akan dapat jadi lebih sempurna.

Y.B. Dato' Speaker : Ya Penggaram.

Y.B. Encik Koh Chee Chai (Penggaram) : Soalan tambahan. Yang Berhormat Dato' Speaker, nampaknya masalah pelupusan sampah sarap di Batu Pahat, Daerah Batu Pahat telah wujud lamalah. Saya sudah bangkit ini sudah banyak kali. Tapi nampaknya belum ada tanda khususnya mendapatkan tapak pelupusan. Jadi, saya nak tahu sama ada kerajaan atau PBT benar-benar, benar-benar berusaha untuk mencari tempat pelupusan berdekatan di daerah Batu Pahat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah memberikan penjelasan tentang ikhtiar-ikhtiar yang kita buat untuk menggantikan tapak, cadangan tapak pelupusan sanitari untuk daerah Batu Pahat dan Kluang ini iaitu zon tengah. Negeri Johor ini yang belum ada hanya satu sahaja, di zon tengah. Utara dah ada, timur dah ada, selatan dah beroperasi pun di Seelong dan baru-baru ini telah ada pun satu *write up* berkenaan dengan izin, di surat khabar berkenaan dengan tapak pelupusan sanitari Seelong ini yang, yang apa ini... yang memberi perhatian penuh kepada kawalan alam sekitar. Dan di Batu Pahat, tadi saya dah cakap kita cari satu di Machap, tak sesuai kerana air bawah tanah terlalu tinggi, tanah pun mendatar, tak ada tanah bukit, kemudian cari-cari lagi di Asiatic, Ladang Asiatic, pun tak juga boleh dilaksanakan kerana kurang tanah untuk menimbus sampah yang di bawah itu nanti dalam kawasan pelupusan sanitari ini. Dan sekarang, peringkat awal kajian ialah di Bukit Payung. Mudah-mudahan di Bukit Payung ini, kita akan dapat tentukan bahawa tapak ini akan dijadikan tapak pelupusan sanitari untuk zon tengah, yang memang kita sangat-sangat perlukan kerana saya faham selagi kita tak dapat pelupusan sanitari ini, ditentukan tapaknya, permasalahan angkat sampah ini cakap senang ajelah di Daerah Batu Pahat akan sentiasa kita, kita alami daripada semasa ke semasa kerana tapak-tapak pelupusan yang ada telah pun ditutup misalnya di Kelicap dah tutup.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Mekanisme yang terbaru disebut tadi nak menyelesaikan masalah isu sisa pepejal dah lebih berpuluh tahun ini ialah dengan Akta Pelupusan Sisa Pepejal 2007 dan Perbadanan yang ditubuhkan. Saya nak satu, kita, rakyat sekarang ini nak satu jaminan daripada kerajaan, bila agak-agaknya masalah sampah ini boleh diselesaikan. Adakah 2012, 2020 sebab masalah ini terlalu lama sangat. Kalau kita lihat salah satu indeks nak menuju negara maju yang dalam tempoh 2020 ialah kita lihat dari segi kebersihan. Tapi tempoh 12 tahun ini saya melihat kalau kita tak buat satu perubahan drastik, dia, indeks itu tak akan dapat menggambarkan negara kita negara maju. Jadi saya nak satu jaminan, bila agak-agaknya masalah ini boleh dapat diselesaikan secara *total* atau ke arah penyelesaiannya kelak. Soalan saya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Akta pun telah diluluskan oleh Parlimen seperti yang saya terangkan tadi, 2007. Sekarang ialah dalam peringkat pelaksanaan. Kita dulu tandatangan Perjanjian untuk tempoh dua tahun, Perjanjian Interim, tapi perjanjian itu berlarutan kerana kerja-kerja di peringkat Jabatan Perumahan dan juga di peringkat Kementerian yang belum dapat menentukan supaya kita

dapat buat penswastaaan penuh. Dan saya telah terangkan tadi, oleh kerana tidak dapat membuat penswastaaan penuh inilah maka yang melabur pun tidak dapat jaminan sepenuhnya bahawa dia berbaloi untuk mereka membuat pelaburan tambahan untuk mempertingkatkan kelengkapan seperti membeli *compactor* dan sebagainya. Sebab itulah, oleh kerana itu permasalahan ini berterusan dan Menteri baru-baru ini, Menteri yang berkenaan telah pun mengumumkan bahawa *full privatisation* dengan izin, penswastaaan sepenuhnya akan dilakukan pada bulan Januari 2009. Itu jaminan yang telah diberikan oleh Kerajaan peringkat Pusat dan keseluruhan sisa pepejal akan diambil alih oleh Perbadanan di bawah pemantauan Jabatan Pelupusan Sisa Pepejal dan Pembersihan di peringkat Pusat. Jadi, kita tunggulah awal tahun ini insya-Allah, kita akan dapat tengok pengemasan daripada sistem pentadbiran yang diharapkan akan dapat memperbaiki sistem pelupusan sisa pepejal untuk Negeri Johor.

Y.B. Dato' Speaker : Senai. Yang Berhormat Senai.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Mengkibol.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, Mengkibol.

Y.B. Encik Ng Lam Hua (Mengkibol) : Terima kasih Tuan Speaker. Saya difahamkan sisa-sisa ini juga boleh dijadikan baja setelah diproseskan seperti di negeri, Negara Singapura. Adakah Kerajaan bercadang supaya kita memproseskan yang ini, sampah-sampah ini menjadikan baja supaya mengelakkan masalah.

Y.B. Dato' Speaker : Ini lari daripada soalan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Soalan yang baik Yang Berhormat. Tahniah, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, lambai eh.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Itu pun sekarang kita dah lakukan di Seelong. Di Seelong kita ada satu unit, saya dah mintak supaya mana bahan-bahan organik itu di kitar semula untuk dijadikan baja organik. Insya-Allah saya berharap, dan kita tambah pulak dengan, dengan teknologi EM yang ada pada kita untuk me, apa ni me *recycle* balik, dengan izin, kitar semula bahan-bahan organik ini jadikan baja untuk menampung keperluan negara. Sekarang kita tahu harga baja pun meningkat naik.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi, jemput.

Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan 3. [Koperasi DUN. Baru-baru ini Y.B. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi ada menyatakan dalam akhbar mengenai penubuhan koperasi setiap DUN di Malaysia dengan dana permulaan RM30,000.00. (a) Bilakah perkara tersebut hendak dilaksanakan? (b) Bagaimanakah cara hendak menubuhkannya? (c) Siapakah Lembaga Pengarah Koperasi tersebut?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah pun memutuskan untuk menjadikan Gerakan Koperasi sebagai salah satu *instrument* di bawah Program Membasmi Kemiskinan melalui penubuhan Koperasi Bela Rakyat ataupun KOBERA di setiap Dewan Undangan Negeri. Dan Suruhanjaya Koperasi telah pun mengarahkan SKM Negeri untuk melaksanakan tindakan penubuhan KOBERA bagi mencapai sasaran awal, setiap negeri mendaftarkan sekurang-kurangnya sebuah KOBERA dalam tempoh dua bulan selepas ianya dilancarkan pada 20 Julai tahun 2008.

Proses penubuhan dan pendaftaran KOBERA dibimbing oleh pegawai SKM dengan kerjasama pemimpin masyarakat di kawasan berkaitan melalui tindakan seperti berikut :

- i. Memilih 10 orang penaja daripada kalangan bakal anggota dan pemimpin masyarakat.
- ii. Mengumpulkan sekurang-kurangnya 50 orang bakal anggota daripada kalangan kumpulan sasaran yang layak.
- iii. Mengadakan penerangan mengenai dengan penubuhan KOBERA kepada bakal anggota oleh SKM.
- iv. Mengadakan Mesyuarat Agung permulaan untuk tujuan mendaftarkan koperasi dan;
- v. Mendaftarkan KOBERA dengan bimbingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Bagi keanggotaan Lembaga Koperasi. Bagi memastikan koperasi ditadbir dengan berkesan, dicadangkan satu peruntukan khas dimasukkan di bawah fasal Pelantikan Anggota Lembaga Koperasi di dalam Undang-undang Kecil Koperasi dengan mengambil kira dua komponen berikut:

- i. 1/3 daripada anggota Lembaga Koperasi dilantik daripada kalangan pemimpin masyarakat tempatan yang dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.
- ii. 2/3 daripada anggota Lembaga Koperasi dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Y.B. DatoDato' Speaker, soalan nombor 4. [Sila jelaskan peranan pihak Jabatan Kesihatan untuk mengatasi serangan penyakit Chikungunya pada orang awam.]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali, jemput.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 5. [Malaysia adalah negara pertama di Asia yang dipilih oleh WHO untuk mengendalikan Pasukan DEVIT-COMBI dan Johor merupakan negeri pertama dalam Malaysia di samping daerah Johor Bahru satu-satunya daerah yang pertama melaksanakan DEVIT-COMBI. (a) Sejauh

manakah keberkesanan aktiviti itu dilaksanakan. (b) Mengapakah Negeri Johor masih berada di tempat kedua tertinggi di Malaysia bagi kes denggi, sedangkan ianya negeri contoh DEVIT-COMBI. (c) Diharap pihak yang berkenaan tidak menyembunyikan kes-kes denggi dan Chikungunya supaya rakyat dapat bersedia untuk mengelak daripada wabak tersebut. (d) Difahamkan Pasukan DEVIT-COMBI banyak yang tidak aktif disebabkan kos yang tinggi. Oleh itu diharap ada peruntukan yang disalurkan kepada Pasukan DEVIT-COMBI sepertimana peruntukan yang disalurkan kepada KRT. (e) Tubuhkan pasukan DEVIT-COMBI di setiap DUN, taman-taman, sekolah, universiti, pejabat kerajaan, pejabat daerah bagi membantu Kerajaan menangani penyakit berjangkit.]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 6. [Demam Chikungunya telah merebak di kawasan Negeri Johor. Berapakah bilangan mereka yang terlibat. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi penyakit tersebut daripada merebak.]

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Tang Nai Soon, jemput.

Y.B. Encik Tang Nai Soon (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 7. [Usaha Menangani Wabak Chikungunya. (a) Berapa banyak kes Chikungunya yang telah berlaku di Negeri Johor (sehingga bulan Ogos 2008) dan bilangan kes mengikut daerah? (b) Pernahkah penyakit Chikungunya ini membawa maut kepada mangsanya? Jika ada berapa kes maut yang tercatat selama ini? (c) Apakah langkah-langkah PRO-AKTIF yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk menangani wabak ini, selain membuat tindakan menyembur ubat nyamuk dan operasi mengesan jentik-jentik nyamuk Aedes setelah terdapat kes Chikungunya di sesuatu kawasan?]

Y.B. Dato' Speaker : Jemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menjawab keempat-empat soalan ini secara bersekali. Penyakit Chikungunya adalah satu penyakit berjangkit bawaan vektor yang disebabkan oleh nyamuk Aedes yang mengandungi virus Chikungunya. Virus ini disebarkan apabila nyamuk Aedes menggigit penghidap penyakit Chikungunya dan menjangkiti manusia apabila nyamuk itu menggigit orang lain pula. Sebenarnya penyakit Chikungunya ini pertama kali di, dikesan di Afrika di Tanzania pada 1952 yang telah menjadi epidemik di South Saharan Africa, India Selatan, Pakistan, Asia Tenggara, Indonesia dan Philipina. Dan pada awal tahun ini, negara-negara Indonesia, Australia dan Singapore telah terdapat wabaknya. Di Singapore pun, hingga hari ini terdapat 117 kes. Di Malaysia, pertama kali dikesan adalah pada 1999 di Pantai Remis, Perak. Jadi di Johor pula, kes pertama Chikungunya dilaporkan pada 18 April 2008 di Kampung Ulu Choh dan sehingga 5 September tahun ini iaitu minggu ke-36, kita kira minggu ke minggu, Johor melaporkan sebanyak 1,169 kes yang disyaki Chikungunya di 8 daerah iaitu 475 kes di Johor Bahru termasuk di Kulaijaya, 160 kes di Muar termasuk Daerah Ledang, 33 kes di

Batu Pahat, 179 kes di Kluang, 101 kes di Segamat, 129 kes di Pontian, 89 kes di Kota Tinggi dan di Mersing, baru dikesan 3 kes. Ini bukanlah angka yang bilangan yang dilaporkan adalah sebahagian sahaja kerana yang kita dapati adalah kes-kes yang datang ke klinik Kerajaan dan hospital dan kes-kes yang kita sendiri, Jabatan Kesihatan sendiri turun ke, turun untuk mencari kes-kes Chikungunya ini iaitu active case detection. Jadi yang sebenarnya mungkin pesakit-pesakit ini pergi ke klinik-klinik swasta dan klinik-klinik swasta ini, kerana, oleh kerana penyakit ini bukan penyakit *notify disease* dengan izin ya. Jadi, klinik-klinik swasta kadang-kadang dia tak laporkan kepada jabatan Kesihatan. Justeru itulah kita dapat, kita dapat angka sebegini dan tidak ada, tak timbul isu menyembunyikan data.

Terjadinya wabak di Negeri Johor, oleh kerana rakyat di Negeri Johor ini tidak ada imuniti, imuniti terhadap Chikungunya ini. Tapi bila sekali kena, seseorang itu akan mempunyai imuniti seumur hidup. Kalau, berbeza kalau dibandingkan dengan penyakit denggi. Sebenarnya Aedes ini yang membawa penyakit Chikungunya ini adalah pembawa penyakit Aedes juga. Dan wabak di Johor Bahru, di Johor ini adalah kerana kepadatan nyamuk Aedes yang tinggi di Negeri Johor ini khususnya di lokasi yang, yang dilaporkan dan ini kerana akibat tabiat membuang sampah yang tidak terkawal dan kurang memberi perhatian kepada kebersihan persekitaran.

Tentang penyakit Chikungunya yang, Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Dewan ini pun ada yang terkena.

Y.B. Dato' Speaker : Hah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ada.

Y.B. Dato' Speaker : Ada Ahli Dewan yang kena.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Ada Ahli Dewan yang terkena.

Y.B. Dato' Speaker : ADUN mana tu? Rahsia kerajaan. Ok, oklah rahsia kerajaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi *symptom* dia adalah demam yang tinggi sangat, ruam pada tangan, kaki dan badan, sakit kepala, mata merah, loya dan muntah dan gejala yang sangat ketara bagi pesakit adalah sakit sendi-sendi di hujung jari, pergelangan tangan, buku lali dan rasa ngilu pada tulang. Dan sakit sendi ini membawa kesengsaraan kepada pesakit hingga tidak boleh berjalan akibat daripada sakit sendi ini. Walau bagaimanapun, penyakit ini tidak merbahaya dan tidak mengancam nyawa. Tidak ada kes yang menyebabkan kematian.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, tapi seksalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Seksa saja.

Y.B. Dato' Speaker : Kadang lebih baik mati daripada seksa ha'ah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Seksu pun bukan semua yang, yang kena. Kalau mungkin orang yang berlanjutan usia, warga emas itu kalau dia kena sendi dia sakit sangat sampai tak boleh berjalan. Ha... itu, itu akan menjadi penyakit kronik pulak. Tapi dia tidak membahayakan keadaan kerana *occupation period* dia, kalau nyamuk gigit dia pun dia tak, tak menyebarkan penyakit itu lagi pesakit-pesakit kronik ini. Dan dia punya pesakit ini akan pulih dalam 6 hingga 10 hari sahaja. Jadi, kalau keadaan-keadaan yang dia muntah dan sebagainya, *dehydration* jadi, dia akan dimasukkan ke hospital. Atau budak-budak kecil yang akan menyebabkan, membahayakan kepada pesakit itu dimasukkan ke hospital. Yang lain-lain itu, kita *treat*, kita rawat dia secara asimptomatik. Kalau dia gatal, kita kasi ubat gatal, kalau dia demam, kasi ubat demam, sakit sendi, kita kasi ubat sakit. Itu sahaja, sebab dalam 10 hari dia sudah baik. Insyallah. Jadi, usaha kawalan yang dijalankan adalah kita adakan bilik gerakan Chikungunya yang beroperasi 8:00 sampai 4:30 petang. Dan, aktiviti pengesanan kes. Jadi, kalau ada kita dapati ada laporan tentang orang yang mengidap penyakit ini, kita adakan *active case detection*. Jadi, kita pergi ke bawah.

Dan, untuk aktiviti kawalan vektor pula, adalah penting untuk kita menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk. Jadi, justeru itulah, pemeriksaan rumah ke rumah dijalankan. Dan, aktiviti penguatkuasaan telah dijalankan di mana notis amaran dikeluarkan kepada pemunya premis di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, kerana didapati mempunyai potensi untuk membiak nyamuk aedes.

Kompunan atau denda juga dikeluarkan kepada individu sebanyak RM100.00, bangunan kerajaan sebanyak RM150.00, tapak binaan sebanyak RM500.00, yang mempunyai tempat-tempat pembiakan nyamuk. Dan, kita adakan aktiviti gotong-royong seperti yang diarahkan. Tapi, hanya 77 kali saja melibatkan 52 kawasan daripada 90 *locality* yang dilaporkan. Hanya 57 peratus saja menjalankan aktiviti gotong-royong. Jadi, kita mohonlah kerjasama penduduk tempatan dan juga Pihak Berkuasa Tempatan dan ketua-ketua masyarakat untuk mengadakan aktiviti kempen kebersihan, gotong-royong.

Selain itu, kita ada juga semburan kabus, *fogging* dengan izin, di *locality* terbabit dan setakat ini 25,679 buah premis telah dilakukan. Tapi, *fogging* ni dilakukan waktu senja kerana nyamuk aedes ini keluar pada *dawn and dusk* dengan izin ya, waktu pagi subuh dan senja. Jadi, kita *fog* pada senja, tapi kadang-kadang orang tak nak buka pintu rumahnya. Jadi, *fogging* yang luar ajelah, nyamuk akan masuk dalam, ke rumah, jadi, kita mohonlah yang punya rumah itu harus semburkan *ridsect* dan sebagainya dalam rumahnya. Kerana kalau dia masuk ke rumah, dia akan hidup lagi. Dan, juga tempat pembiakan nyamuk itu di dalam rumah pun ada. Jadi, yang penting di luar rumah dan di dalam rumah yang harus dibuang. Jadi, kempen kebersihan juga dijalankan sepertimana kita kata tadi, gotong-royong.

Aktiviti mengaktifkan Program COMBI. Program COMBI, *Communication for Behavioural Impact* ini adalah untuk denggi, program untuk denggi, tetapi kalau kita buat juga bersama sebab vektor dia, nyamuk itu adalah aedes, pembawa denggi dan juga pembawa Chikungunya. Jadi, kalau dua-dua kita lakukan kita akan menghapuskan dua-dua penyakit, Insya-Allah. Jadi, secara umumnya keadaan semasa adalah terkawal. Dan, kejadian wabak yang terjadi secara mendadak adalah kerana tiada *immunities* seperti saya katakan. Dan, walau bagaimanapun, dijangka keadaan akan pulih semula. Walaupun penyakit ini tidak serius, situasi semasa adalah serius kerana impak penyakit ini ke atas pesakit dan keluarga mereka dari segi kesengsaraan fizikal, kehidupan seharian dan kesan psikologi. Jadi, Jabatan Kesihatan Johor, akan terus meningkatkan langkah-langkah kawalan penyebaran melalui pengesanan kes dari rumah ke rumah dalam sesuatu *locality* penyakit dan memberi rawatan preskripsi kesihatan kerajaan.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Pasir Raja?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Doktor dulu tanya, lepas tu baru *patient*.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Kes Chikungunya memang mendatangkan masalah kesihatan, yang jadi isu di sini ialah Dato' Speaker, ialah kes yang tidak dilaporkan ataupun dalam kata *under reporting*. Ramai yang sebenarnya tidak lapor dan saya dimaklumkan dua ADUN lelaki, satu EXCO lelaki telah dijangkiti penyakit ini.

Y.B. Dato' Speaker : EXCO pun ada?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : EXCO, dan EXCO kesihatan tadi, tak melaporkan, Dato' Speaker, nyamuk ni yang gigit ni, nyamuk jantan ke nyamuk betina? Tetapi saya difahamkan nyamuk yang ganas ni, nyamuk betina daripada *strain aedes*. Jadi.....

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat mana tahu jantan, betina?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Saya ada belajar dulu.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, belajar ye, apa tanda dia?

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Ini kena tanya EXCO. Jadi, saya mahu penjelasan Dato' Speaker, sama ada kemunculan *strain virus* Chikungunya ni, yang lebih ganas ni, dikaitkan dengan kes yang tidak dilaporkan ataupun *under reporting*. Jadi, saya yakin masih lagi ada kes yang tidak laporkan kerana kurang kefahaman tentang penyakit ini. Boleh tak, Yang Berhormat EXCO berikan kita satu perangkaan kes yang tidak laporkan ini dan dapat mengambil tindakan agar kes-kes jangkitan pada masa depan, yang datang daripada kes yang tidak dilaporkan ni tidak berlaku, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ada, *figure* dia, Yang Berhormat?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat. Seperti saya katakan tadi, Chikungunya ni dia satu aje, dia bukan macam denggi, denggi dia ada 4 *strain* dia, tapi Chikungunya satu aje, bila kena dia akan jadi *immune* seumur hidup. Jadi, tak payah, tak ada yang ganas, tak ada yang apalah. Yang menjadi teruk tu, kerana keadaan pesakit tu, kalau dia kena Chikungunya, kalau daya tahan dia lemah, dia akan lebih teruk dan kalau dia umur warga emas ke, sakit sendi dia akan teruk. Dan, itu akan menjadi penyakit kroniklah lepas ni. Kebanyakan seperti EXCO dan sebagainya dah baik dah tu, tak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat, dah baik, tak ada apa-apa, sakit-sakit aje, tinggal sakit ajelah, sakit-sakit itu aje, bukan kes *under reporting*. Mungkin Ahli-Ahli Yang Berhormat ni ataupun yang *well off* ni kadang-kadang dia tak pergi ke klinik kerajaan. Jadi, Chikungunya ini is *non notifiable disease*, jadi tidak payah dilaporkan, tidak wajib dilaporkan, justeru itulah klinik-klinik swasta, hospital swasta tidak melaporkan. Jadi, *under reporting* dari hal itu saja. Tapi, kalau orang pergi ke klinik kesihatan, hospital kesihatan kerajaan memang kita laporkanlah selain daripada *active case detection*.

Y.B. Dato' Speaker : Ya, Tenang.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin bertanya kepada EXCO yang menjaga kesihatan khasnya berkaitan dengan penyakit Chikungunya. Saya berasa terhibur dengan penjelasan yang dibuat oleh EXCO yang berkenaan tadi...

Y.B. Dato' Speaker : Eh, penyakit pun terhibur, orang susah? Yalah, oklah.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Tapi, saya sebaliknya berasa kecewa dengan apa yang berlaku sebenarnya di bawah. Saya tak pasti sama ada Yang Berhormat ini mendapat laporan yang sebenar ataupun hanya nak menyedapkan jawapan di Dewan yang mulia ini sahaja. Saya mengambil contoh di kawasan saya. Kawasan saya, Yang Berhormat Dato', merupakan satu kawasan yang boleh dikatakan pendalaman, bergelar pendalaman yang tidak seindah Batu Pahat, Muar dan sebagainya. Ramai di antara mereka yang dikatakan terhidu penyakit Chikungunya ini, tetapi yang menjadi persoalannya mengapa agaknya, Jabatan Kesihatan yang begitu hebat memperkatakan Chikungunya ini tetapi tak buat apa-apa dari segi mencegah terutamanya buat *fogging*, penyemburan dan sebagainya. Sebaliknya masyarakat di Labis termasuk Chaah dan Bekok menggunakan khidmat sukarela untuk menyembur semburan kimia bagi mencegah penyakit yang dimaksudkan Chikungunya ini. Saya telah bercakap dengan pegawai kesihatan...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, soalnya apa? Ini bukan dewan bercakap aje ye, soalan?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Soalan belum sampai Dato'.

Y.B. Dato' Speaker : Panjangnya telah bercakap.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Saya telah bercakap dengan Pegawai Kesihatan Segamat dia kata, orang yang terlibat dengan penyakit ini,

tidak pergi ke klinik maka klinik kerajaan tidak dapat angka yang sebenar. Saya kata, untuk makluman tuan doktor, Labis, Chah, Bekok ni orang kampung. Dia menoreh dari pagi sampai petang, potong sawit dari pagi sampai petang, bila dia nak pergi klinik, klinik dah tutup. Dan, dia kena swasta. Jadi, sekarang saya kata, saya dah beritahu bahawa banyak orang yang kena penyakit ini, soalan saya...

Y.B. Dato' Speaker : Ha.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Mengapa Jabatan Kesihatan lambat mengambil tindakan untuk menyembur kimia yang boleh menghilangkan nyamuk atau membunuh nyamuk yang mengakibatkan penyakit ini terjadi?

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Saya ambil contoh Yang Berhormat, sambung.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, dah banyak sangat contoh tu?

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Saya ambil contoh, kalau misal kata kita dirompak oleh seseorang, polis ada depan, takkanlah nak tunggu kita pergi buat laporan polis, baru polis yang depan kita akan ambil tindakan. Sepatutnya serta merta tindakan diambil. Janganlah tunggu orang pergi klinik kerajaan, tak pergi klinik kerajaan, maka pejabat kesihatan senang hati. Tapi, EXCO buat laporan cukup cantik dan saya terimalah.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, itu soalnya.

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, jawab.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jawab ye. Sebenarnya ni nak beri tahu ni semua sekali, penyakit ini bukan pencegahan dia dengan penyemburan sahaja. Penyakit ini adalah daripada nyamuk. Nyamuk ni membiak daripada air takungan yang berada di keliling rumah, di estet dan sebagainya. Jadi, bukan kerja jabatan kerajaan, Jabatan Kesihatan untuk menyembur. Penyemburan bukan penyelesaian masalah sebab saya cakap tadi, penyemburan itu hanya di luar, nyamuk itu akan masuk dalam. Bila masuk dalam, dalam rumah pun ada banyak tempat pembiakan nyamuk, yang tidak boleh, melainkan dibuang. Jadi, yang penting pencegahannya adalah semua masyarakat...

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha (Tenang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, boleh saya bahaskan dengan lebih...

Y.B. Dato' Speaker : Tak boleh, ini soalan tambahan sekali sahaja cakap.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Lepas ni, kita boleh bahas dekat luar.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, doktor lawan *private*, oklah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi, yang penting untuk pencegahan penyakit Chikungunya dan denggi juga adalah penghapusan tempat pembiakan nyamuk itu. Jadi, kita hendakkan gotong-royong daripada masyarakat, rumah kita sendiri tu, kita kena bersihkan dulu, lepas tu baru komuniti ni, gotong-royong dan sebagainya di Pihak Berkuasa Tempatan, JKK, Kampung dan sebagainya harus mengadakan gotong-royong ini. Jadi, penyemburan *fogging* walaupun swasta ke, dia panggil swasta ke untuk *fogging* tidak menyebabkan penurunan penyakit ini. Jadi, yang pertama ialah tempat pembuangan takungan-takungan pembiakan aedes ini. Nombor dua, Yang Berhormat katakan, kita lambat turun, kita ada laporan aje bahawa ada di satu tempat itu, orang yang menghadapi demam tinggi, *rashes* dan sebagainya sakit sendi yang kita suspek itu adalah, suspek itu Chikungunya pasukan kita *Active Case Detection* ini, jadi, makna pasukan kita turun terus, memang turun terus, justeru itulah kita dapat angka yang *Active Detection* ini adalah 537 kes, *half*, setengah daripada seribu lebih yang kita dapatlah data ini. Setengah daripada itu adalah yang dikesan melalui *Active Detection* dan kita bawa juga ubat kalau dia demam kita kasi ubat. Dan kita nasihatkan kalau yang teruk itu bawalah ke hospital atau klinik berdekatan. Jadi yang penting itu sahaja yang saya nak tekankan di sini bukan *fogging* yang menyebabkan apa tu penyakit ini dapat di kawal atau tidak. Kebersihan diri dan kebersihan rumah tempat pembiakan nyamuk itu yang penting.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah cerita sihat pulaklah. Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Haji Sapian, jemput.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 8 [Sila nyatakan berapa banyakkah tanah-tanah wakaf yang telah dimajukan oleh Jabatan Agama Islam Johor dalam tempoh 2 tahun. (a) Wakaf Am. (b) Wakaf Surau dan Masjid. (c) Wakaf Sekolah Agama. Nyatakan pecahan mengikut daerah dan jumlahnya.]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Bismillahirrahmaanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumussalam.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, tanah-tanah wakaf yang telah dimajukan dalam tempoh 2 tahun kebelakangan ini adalah sebanyak 70 semuanya. Dan butirannya mengikut komponen dan daerah seperti yang diminta adalah seperti berikut: Yang Berhormat Dato' Speaker. Johor Bahru, masjid 1, sekolah Agama 3, Wakaf Am 2 dan jumlahnya 6; daerah Kulaijay, sekolah Agama 2; Daerah Muar, Sekolah Agama 4, Wakaf Am 1 dan jumlahnya 5; Daerah Batu Pahat, Masjid 2, Sekolah

Agama 3, Wakaf Am 1, jumlahnya 6; Segamat, surau 15, Masjid 2, Sekolah Agama 1 dan jumlahnya 18; bagi daerah Kluang, Masjid 2, Sekolah Agama 1, Wakaf Am 1, jumlahnya 4; bagi daerah Pontian, surau 4, masjid 3, Sekolah Agama 1, jumlahnya 8; bagi daerah Kota Tinggi, surau 16, Sekolah Agama 1, jadi kesemuanya 17; dan bagi daerah Mersing, masjid 1, sekolah Agama 2 dan Wakaf Am 1, jadi jumlahnya 4. Dan sebagaimana yang saya nyatakan tadi, keseluruhannya adalah sebanyak 70, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Em... Ya, Kempas.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Terima kasih Dato' Speaker, kalau dilihat daripada jumlah keluasan tanah-tanah wakaf yang berada di tangan Jabatan Agama Islam mengikut rekod, tak kurang daripada 7,000 lebih ekar. Ada separuh-separuh tanah wakaf, contohnya seperti wakaf masjid atau pun sekolah agama yang tidak sesuai lagi untuk didirikan masjid atau sekolah agama ini dan sudah sepatutnyalah diubah wakaf ini kepada wakaf yang lebih ekonomi untuk mendatangkan hasil kepada Jabatan Agama Islam. Tetapi tidak diusahakan kerana wakaf ini sekiranya hendak diubah memerlukan daripada Jawatankuasa Fatwa untuk mengubahnya. Jadi, saya ingin hendak bertanya sejauh manakah peranan Jawatankuasa Fatwa untuk melihat tanah-tanah yang begitu banyak yang terbengkalai yang tidak diusahakan sehingga berbelas atau berpuluh tahun. Sedangkan mereka-mereka yang mewakafkan ini mengharap balasan atau pun pahala tetapi orang yang diamanahkan tidak memberikan satu tanggungjawab yang perlu disempurnakan itu. Sebaliknya pula, saya juga ingin menanya ada tanah-tanah wakaf yang disalahgunakan, sama ada disewakan atau pun dicerobohi tetapi tidak ada tindakan-tindakan yang diambil oleh Jabatan Agama Islam. Saya mengambil contoh seperti sebuah tanah wakaf di kawasan Bandar Baru Uda. Wakafkan untuk Sekolah Agama tetapi disewakan kepada syarikat untuk menjadikan stor dan juga jadikan restoran.

Y.B. Dato' Speaker : Betul ni.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Saya rasa apa yang saya katakan ini adalah benar dan mempunyai fakta. Jadi, saya ingin tahu jugalah mengapakan tindakan-tindakan ini tidak diambil, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kempas. Yang Berhormat Dato' Speaker, kita akui memang ada tanah-tanah wakaf, khususnya wakaf am yang tidak dibangunkan kerana tanah-tanah ini antara tujuannya ialah tanah perkuburan. Namun yang demikian Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi tanah-tanah perkuburan atau pun tanah-tanah yang tidak sesuai, katakanlah tanah kubur dia pada asalnya di luar bandar. Tetapi apabila kawasan tu dibangunkan, tanah perkuburan itu terletak di dalam kawasan bandar di kawasan yang strategik, jadi sudah tentulah tidak sesuai untuk diwujudkan tanah perkuburan di situ. Dalam hal ini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya kira Jabatan Agama pro-aktif melalui Jawatankuasa Fatwa kerana ada tanah-tanah yang sebagaimana yang kita katakan tadi, kita istibdalkan, kita pindahkan maknanya tanah itu bukanlah lagi

untuk tanah perkuburan tetapi mungkin untuk kompleks komersial. Jadi kita pindahkan ke tempat lain. Jadi memang boleh kita tukarkan tanah-tanah kepada tujuan yang lebih berfaedah, bergantung kepada sebagaimana yang saya nyatakan tadi dan juga keperluan oleh Jabatan Agama sendiri. Katakan kalau dia hendak tanah itu nak digunakan untuk 30 tahun akan datang jadi boleh digunakan, disewakan untuk tujuan yang memberi manfaat kepada orang Islam.

Berkenaan dengan apa yang dibangkitkan tanah di Bandar Baru Uda, saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa tidak benar kita biarkan perkara ini berterusan tanpa mengambil tindakan tertentu. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah pun di bawa ke mahkamah dan dalam tindakan mahkamah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok,mahkamah. Ya Maharani.

Y.B. Dr. Mohamad Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat sebut tadi adalah 70 buah tanah wakaf telah dibangunkan. Saya ingin tahu berapa buah lagi yang belum dibangunkan. Dan apakah permasalahan menyebabkan banyak lagi kawasan-kawasan yang tidak dapat dibangunkan. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang adalah tanah-tanah wakaf yang belum dapat dibangunkan. Dan antara sebab-sebab tanah-tanah ini tidak dapat dibangunkan ialah satunya, mungkin kekurangan kewangan untuk membangunkan kawasan-kawasan ini. Ataupun mungkin juga tanah itu tidak sesuai sebagaimana yang saya nyatakan tadi untuk dibangunkan sebab mungkin saiznya kecil dan sebagainya. Sebab orang-orang yang mewakafkan ini tidak kisah asalkan dia boleh wakaf pada masa dahulu. Dia wakafkan sahaja kepada kita tanpa mengambil kira kecil besar dan sebagainya. Dan yang paling penting sekali ialah ada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa sendiri berkenaan dengan hujah-hujah wakaf ini, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Haji Baderi bin Dasuki, jemput.

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 9. [Saya difahamkan rancangan untuk membina 300 unit rumah mampu milik oleh Jabatan Perumahan Negara di Kampung Desa Makmur, Kota Tinggi telah diluluskan oleh kerajaan di dalam RMK-8 lagi. Kerajaan Negeri telah pun meluluskan tapak seluas 30 ekar. Apakah kemajuan rancangan tersebut sehingga hari ini?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan pada 1 Ogos 2007 telah pun bersetuju meluluskan pembinaan sebuah perumahan rakyat untuk disewa di Jalan Lombong iaitu Kampung Desa Makmur, Kota Tinggi. Bagi membina 350 unit rumah kos rendah di atas tanah seluas 25 ekar dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara secara reka dan bina dalam 2 fasa. Kerajaan Negeri telah memajukan permohonan ini kepada Jabatan Perumahan Negara. Selepas penilaian projek, Jabatan Perumahan Negara

telah memasukan cadangan projek ini dalam skim projek perumahan rakyat, bukan untuk disewa tetapi untuk dimiliki. Oleh kerana apabila kajian dibuat di kawasan persekitaran. Jabatan berpendapat kurangnya permintaan rumah sewa di kawasan tersebut. Kedudukan terakhirnya sehingga kini kita belum lagi dapat kelulusan peruntukan daripada Kerajaan pusat untuk melaksanakan projek ini.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, dijemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 10 [Pertanian secara fertigasi memerlukan kos yang tinggi. Minta agar ada kaedah untuk membantu petani yang berminat menceburi bidang ini dan dapat mengusahakannya dengan kos yang lebih murah atau bersubsidi pada masa depan. Berapa ramaiakah pengusaha tanaman menggunakan kaedah fertigasi dalam Negeri Johor dalam skala kecil-kecilan dan skala komersil.]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, kaedah pertanian menggunakan teknologi fertigasi memang memerlukan kos yang tinggi di peringkat awal projek. Kos yang tinggi ini adalah disebabkan keadaan ini memerlukan kepada penyediaan dan perataan kawasan serta penyediaan struktur kalis hujan dan serangga. Juga sistem perairan dan kawalan titisan air bajet kepada setiap polybag atau pokok yang di tanam. Sungguhpun kaedah ini berfungsi mengeluarkan hasil yang tinggi untuk membolehkan sesuatu projek tanaman fertigasi ini berdaya maju. Adalah disyorkan supaya hanya tanaman yang bernilai tinggi sahaja yang dipilih untuk di tanam. Seperti tomato ceri, cili, cili besar dan capsicum, red melon.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Jabatan Pertanian ada menyediakan peruntukan insentif kepada petani-petani yang berminat untuk memulakan projek fertigasi. Bantuan yang diberikan adalah bernilai maksima RM20,000.00 seorang petani bagi tujuan memperbaharui peralatan untuk membina struktur kalis hujan, sistem perairan dan kawalan dan kelengkapan yang diperlukan. Bagi petani yang ingin membesarkan projek mereka adalah disyorkan supaya membuat permohonan pinjaman terus kepada pihak Agro Bank.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 11 orang komersial dengan keluasan 8.4 hektar. Ini adalah termasuk 7 orang peserta di Taman Kekal Pengeluaran Makanan Fertigasi di Jabatan Pertanian di Institut Pertanian Air Hitam yang telah mula beroperasi pada awal tahun 2008 ini. Di samping itu, terdapat seramai 7 orang pengusaha secara kecil-kecilan yang mengusahakan sebanyak 5,400 polybag setiap musim. Maklumat senarai pengusaha tanaman fertigasi di Negeri Johor dengan pecahan di Batu Pahat seluas 6.8 hektar yang melibatkan 9 pengusaha. Di Johor Bahru dengan keluasan 0.8 hektar satu pengusaha. Manakala di Mersing secara kecil-kecilan sebanyak 300 polybag melibatkan satu pengusaha. Di Muar, 1,000 polybag melibatkan seorang pengusaha, di Kota Tinggi dengan keluasan 8.8 hektar 1 pengusaha dan juga secara kecil-kecilan 1,000 polybag daripada 2 pengusaha. Di Segamat, 1,600 polybag dengan 2 orang pengusaha, di Pontian sebanyak 1,500 polybag dengan seorang pengusaha yang mana jumlah keseluruhan adalah secara

komersil adalah 8.8 hektar, 8.4 hektar dengan 11 pengusaha. Manakala secara kecil-kecilan sebanyak 5,400 polybag dengan 7 pengusaha.

Y.B. Dato' Speaker: Ya, Pasir Raja

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya hanya membawa rintihan petani yang telah pun mengusahakan secara fertigasi. Mereka dapati seronok dapat mengusahakan pertanian secara fertigasi. Masalahnya, walaupun kos yang tinggi mereka mesti sebenarnya mengelakkan menjual produk mereka melalui orang tengah. Mereka kalau boleh tak mahu ada walaupun dah buat *study* hasil pertanian mereka boleh dijual tetapi sampai masa mereka terpaksa menggunakan orang tengah dalam menjual produk. Jadi, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan di sini peranan yang boleh dimainkan oleh pihak Yang Berhormat dalam membantu petani-petani fertigasi inilah yang kecil-kecilan supaya dapat memasarkan produk mereka dengan harga yang lebih baik di pasaran supaya hasil dapat dilaburkan semula dalam pertanian pada masa depan mereka.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam soal pemasaran ianya menggunakan beberapa kaedah. Yang pertama kaedah jualan terus kepada pelanggan, malah ada seorang pengusaha di kawasan saya di Batu Pahat dia, pembeli-pembeli datang terus ke ladang ke tempat dia dan beli dan sekiranya ada berlebihan, dia boleh jual ke pasar dengan menggunakan struktur pemasaran mereka sendiri ataupun mereka juga boleh terus menjual kepada agensi kerajaan seperti FAMA. Pihak kerajaan telah ada satu agensi iaitu FAMA memang sedia membantu menjualkan, memasarkan hasil-hasil pertanian di peringkat kampung. Jadi, dalam soal pemasaran ini adalah terbuka kepada pengusaha untuk cara mana mereka menjual produk-produk hasil mereka.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat En. Chia Song Cheng di jemput.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting): Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 11. [Sekolah Menengah Kebangsaan Mohd. Khalid, Johor Bahru merupakan sebuah sekolah kawalan di daerah Johor Bahru. Bangunan sekolah ini pada asalnya adalah Maktab Perguruan Mohd. Khalid dan telah dibangunkan kembali menjadi sebuah sekolah premier bermula pada tahun 2006 khusus bagi membuka peluang kepada anak-anak yang cemerlang dalam peperiksaan untuk bersaing dengan rakan-rakan yang memiliki pencapaian setara dengan mereka. Jumlah keseluruhan pelajar adalah seramai 269 pelajar.

Permasalahan yang dihadapi sekarang ialah Sekolah Seni Johor Bahru juga ditempatkan di bangunan sekolah yang sama pada tahun 2007 dan penempatan asrama kini dimonopoli oleh seramai 135 pelajar dari Sekolah Seni Johor Bahru dan hanya seramai 85 pelajar dari SMK Mohd. Khalid.

Sila beritahu adakah Jabatan Pelajaran Negeri Johor akan memindahkan Sekolah Seni Johor Bahru ke sebuah bangunan sekolah yang baru kerana keadaan sekarang menjejaskan kualiti kecemerlangan pembelajaran pelajar di sekolah SMK Mohd. Khalid oleh sebab asrama yang sedia ada tidak dapat

menampung pelajar yang tinggal di luar kawasan Johor Bahru memerlukan asrama dari kedua-dua sekolah tersebut.]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman, memang terdapat perancangan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membina sebuah Sekolah Seni dalam RMK-9 di Negeri Johor dan terkini Jabatan Pelajaran Johor bersama dengan Kementerian Pelajaran sedang dalam proses pembelian tanah untuk mendirikan sekolah tersebut. Kerja-kerja pembinaan hanya dapat dijalankan setelah pembelian tersebut dimuktamadkan. Kedudukan Sekolah Seni di sekolah yang sama iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Mohd. Khalid Johor Bahru tidak menjejaskan kualiti kecemerlangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Mohd. Khalid. Dan, sukacita dimaklumkan bahawa Sekolah Menengah Kebangsaan Mohd. Khalid adalah Sekolah Menengah Harian bertaraf premier yang tidak semestinya memerlukan pelajar tinggal di asrama dan setakat ini bangunan dan kemudahan yang disediakan adalah mencukupi untuk menampung keperluan bagi kedua-dua buah sekolah tersebut.

Y.B. Dato' Speaker: Ha ya.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, yang saya dengar jawapan yang telah saya terima daripada Exco yang berkenaan bahawa asrama yang sedia ada di kawasan bangunan tersebut adalah mencukupi untuk menampung pelajar yang daripada kedua-dua sekolah ini adalah tidak sebenarnya. Sebab saya telah membuat lawatan ke sekolah ini pada awal bulan Ogos dan saya mendapati juga surat aduan daripada pihak PIBG Sekolah Menengah Kebangsaan apa ini Mohd. Khalid menyatakan bahawa memang pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Mohd. Khalid yang dulu duduk dalam asrama ini terpaksa keluar daripada asrama untuk memberikan laluan kepada Sekolah Seni Johor Bahru dan kalau kita lihat pelajar yang ada di Sekolah Menengah Kebangsaan Mohd. Khalid memang ramai yang memerlukan asrama dan ini adalah satu sekolah yang mana ditaraf memerlukan asrama untuk pelajarannya yang mana datang daripada tempat-tempat yang jauh seperti daripada Pasir Gudang pun ada. Oleh sebab itu, kalau kita lihat asrama yang sedia ada memang tidak mencukupi. So, masalah saya, kalau kita...

Y.B. Dato' Speaker : Soalan Yang Berhormat apa?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Soalan saya bilakah kita boleh mengatasi masalah apa ini asrama yang tidak mencukupi di sekolah ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Seperti yang saya nyatakan tadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, bahawa Sekolah Menengah Kebangsaan Mohd. Khalid adalah sekolah harian biasa yang bertaraf premier yang tak semestinya pelajar-pelajarnya berada di asrama ataupun mendiami asrama. Tetapi sekiranya ada aduan yang menyatakan bahawa memang tidak cukup asrama ataupun ada masalah yang diajukan kepada pihak Yang Berhormat, bolehlah Yang Berhormat majukan kepada saya.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah melawat sekolah tu?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Belum lagi Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali , dijemput.

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali (Bukit Permai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan no. 12. [Kalau di lihat terdapat banyak syarikat perkilangan yang mengambil pekerja daripada warga asing. Bagaimanapun kebajikan kepada pekerja tempatan perlu juga diambil kira. Seperti di kilang Hitachi Koki (M) Sdn. Bhd. di Senai, majikan mereka telah mengabaikan kebajikan pekerja tempatan sendiri berbanding pekerja asing. Apakah tindakan pihak yang berkuasa melaksanakan masalah ini supaya kebajikan pekerja tempatan kita sentiasa terjamin dan terbela?]

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan melalui Jabatan Tenaga kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia adalah bertanggungjawab untuk memastikan para majikan di sektor swasta mematuhi peruntukan akta yang dikuatkuasakan termasuklah yang ditetapkan di bawah Akta Kerja 1955. Walau bagaimanapun, terdapat juga majikan yang gagal mematuhi peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan.

Untuk menangani keadaan ini, Pegawai-Pegawai Perhubungan Perusahaan di bawah Jabatan Tenaga kerja akan menjalankan siasatan ke atas majikan berkenaan dan seterusnya mengambil tindakan melalui notis pematuhan dan juga tindakan pendakwaan. Perhatian YB dari DUN kawasan Bukit Permai terhadap Syarikat Hitachi Koki (M) Sdn. Bhd, di kawasan perindustrian Senai, Johor mengenai kebajikan pekerja tempatan amat dihargai. Dari siasatan yang telah dijalankan, didapati syarikat ini mula mengambil pekerja asing dari Nepal pada Februari tahun 2007 melalui syarikat out-sourcing iaitu Sasmoning Sdn. Bhd. dan Karisma Resources Sdn. Bhd. Pada masa ini terdapat seramai 263 pekerja tempatan yang diwakili oleh sebuah Kesatuan Sekerja iaitu Electronic Industries Workers Union dengan izin. Syarikat ini adalah syarikat perkilangan yang mengeluarkan *power tools*. Masalah berbangkit apabila pekerja tempatan merasa tidak puas hati dengan pihak pengurusan yang didakwa membayar kadar gaji yang lebih tinggi kepada pekerja-pekerja Nepal. Siasatan mendapati bahawa majikan ini adalah terikat dengan kadar gaji sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam perjanjian yang telah ditandatangani iaitu pada kadar RM750.00 sebulan yang meliputi gaji, elaun-elaun dan bayaran kerja lebih masa mereka.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kadar gaji bagi pekerja tempatan ialah RM475.00 bagi 20 hari bekerja ataupun RM23.75 sehari. Manakala kadar gaji pekerja asing ialah RM21.50 sehari. Pekerja tempatan juga boleh melakukan kerja lebih masa seperti pekerja asing untuk menambah pendapatan mereka. Secara perbandingan, adalah didapati kadar gaji pekerja tempatan adalah

lebih tinggi berbanding dengan pekerja asing. Memandangkan pekerja tempatan di syarikat ini mempunyai kesatuan sekerja, maka adalah wajar sebarang pertikaian termasuklah isu gaji ini dibawa ke peringkat kesatuan yang kemudiannya akan merujukkannya kepada pihak majikan untuk perundingan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan Yang Berhormat Dato' Speaker, biasanya pekerja-pekerja tempatan ini dia tidak mahu hendak kerja lebih masa. Itu sebab secara perbandingan gaji mereka ini didapati seolah-olah macam lebih rendah daripada pekerja asing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semua pekerja sama ada pekerja tempatan ataupun pekerja asing hendaklah mendapat layanan dan hak yang sama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1955. Siasatan juga mendapati bahawa selain dari isu gaji yang berbeza bagi pekerja tempatan dan pekerja Nepal, majikan ini mematuhi peruntukan undang-undang buruh yang lain. Di dalam usaha memastikan bahawa kebajikan bagi pekerja tempatan adalah terjamin dan terbela maka siasatan akan dijalankan apabila aduan penindasan yang dilakukan oleh majikan sama ada dari pekerja tempatan ataupun asing diterima. Aduan ini adalah berhubung dengan terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka dengan majikan. Berikutan dari hasil siasatan berkenaan maka Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia akan mengeluarkan arahan untuk menyelesaikan perkara itu. Majikan hendaklah mematuhi keputusan berkenaan dan mengambil tindakan yang telah disyorkan sebagaimana peruntukan Seksyen 60L Akta Kerja 1955. Sebagai rumusan, kerajaan amat mengambil berat mengenai kebajikan pekerja tempatan dengan penguatkuasaan undang-undang oleh Jabatan Tenaga Kerja khususnya di bawah Akta Kerja 1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Masa dah habis waktu soalan lisan. Mana-mana soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

Jurutulis : Soalan bertulis. Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Yang Berhormat Tuan Haji Adam bin Sumiru, Yang Berhormat Encik Ja'ffar bin Hashim, Yang Berhormat Encik Koh Chee Chai, Yang Berhormat Encik Gui Tok Heong, Yang Berhormat Encik Tang Nai Soon, Yang Berhormat Encik Chong Cheng Liong, Yang Berhormat Puan Lim Kim Moi, Yang Berhormat Dr. Mohamad bin Taslim, Yang Berhormat Encik Ng. See Tiong dan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Aziz bin Haji Sopian ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN KEDUA TAHUN 2008.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta merta berpindah menjadi Jawatankuasa Bagi keseluruhan Dewan Negeri untuk menimbangkan Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2008 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 20 Tahun 2008 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tidak dipinda.

Tambahan kepada Peruntukan Pembangunan Yang Kedua bagi Tahun 2008 adalah sebanyak RM1,442,000.00 dan diletakkan di bawah Jawatankuasa seperti berikut: Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan, RM742,000.00; Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM700,000.00 dan penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

Y.B. Dato' Speaker : Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM700,000.00 bagi Maksud P.50, Pejabat Pertanian dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.50 Jabatan Pertanian Negeri Johor, tambahan peruntukan sebanyak RM700,000.00 diperlukan bagi menampung pembiayaan pembinaan bangunan kekal MAHA Rumah Johor di tapak Ekspo MARDI Serdang, Selangor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM500,000.00 bagi Maksud P.55, Pejabat Daerah dan Tanah dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.55, Pejabat Daerah dan Tanah, tambahan peruntukan sebanyak RM500,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran kerja-kerja membersihkan dan mendalamkan sungai-sungai dan parit-parit, serta pemasangan pembetung kalbat dan longkang bagi mengatasi masalah banjir di Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM242,000.00 bagi Maksud P.57, Pejabat Perhutanan dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.57, Pejabat Hutan, tambahan sebanyak RM242,000.00 merupakan tambahan peruntukan sedia ada bagi menampung bayaran kerja-kerja pengukuran dan penandaan sempadan hutan Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bil. 20 Tahun 2008 telah pun selesai ditimbang, maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon maklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 20 Tahun 2008. Dari itu, saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju bahawa peruntukan wang berjumlah RM1,442,000.00 yang dicadangkan bagi peranggaran tambahan pembangunan kedua tahun 2008 ini diluluskan oleh Dewan ini dan dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM1,442,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Dalam Tahun Kewangan 2008 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

JURUTULIS: RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERUNTUKAN DIRAJA (PINDAAN) 2008.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan) 2008 dibacakan kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

JURUTULIS: SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERUNTUKAN DIRAJA 1960.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Pengerusi : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 56 ditangguhkan sementara.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-Undang ini adalah bertujuan untuk menambah Peruntukan DiRaja di bawah kelas 2 daripada RM4.8 juta kepada RM7.5 juta. Penambahan ini diperlukan berikutan pertambahan pembayaran emolumen bagi anggota Jabatan Istana Besar Johor Bahru dan anggota pasukan Timbalan Setia Negeri Johor selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 dan 7 Tahun 2007.

Penambahan peruntukan di bawah kelas 3 daripada RM4.5 juta kepada RM9 juta pula diperlukan berikutan pertambahan perbelanjaan mengurus pentadbiran Di Raja di bawah perhubungan dan utiliti pejabat disebabkan kenaikan kadar tarif. Rang Undang-Undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan setakat yang tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Pengerusi : Rundingan dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang dibaca kali yang kedua.

JURUTULIS: SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERUNTUKAN DIRAJA 1960.

Y.B. Dato' Speaker : Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

JURUTULIS: Fasal 2 - pindaan Jadual Enakmen No. 20/1960.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan jawatankuasa ini adalah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

JURUTULIS: Fasal yang pertama

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya Fasal yang pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal yang pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun dipertimbangkan dalam jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan iaitu saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan) 2008 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rang Undang-Undang dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

JURUTULIS: Bahawa dengan ini adalah diperbuat undang-undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut: Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan) 2008 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2005.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2008) (NO. 2) TAHUN 2008.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2008) (No. 2) Tahun 2008 dibacakan kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

JURUTULIS: Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2008 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali

yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang kedua bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2008. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM42,142,000.00 sebagaimana yang dimasukkan dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 5 jawatankuasa seperti berikut: Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor, RM29,736,000.00; Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, RM2,270,000.00; Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri RM466,000.00; Jawatankuasa Agama Negeri Johor RM4,483,000.00 dan Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani Negeri Johor, RM5,187,000.00 dan penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi peringkat-peringkat jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

JURUTULIS: Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2008 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Y.B. Dato' Speaker : Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

JURUTULIS : JADUAL

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM249,000.00 bagi Maksud B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri; RM5,506,000.00 bagi Maksud B.02, Menteri Besar

Johor; RM2,294,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan dan RM2,473,000.00 bagi Maksud B.04, Perbendaharaan Negeri; RM266,000.00 bagi Maksud B.05, Dewan Negeri; RM2,464,000.00, bagi Maksud B.06, pelbagai perkhidmatan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, peruntukan tambahan sebanyak RM249,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM124,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada semua anggota pejabat, RM115,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat dan baki sebanyak RM10,000.00 adalah bagi pembelian harta modal-harta modal pejabat.

Bagi Maksud Bekalan B.02, Menteri Besar Johor. Peruntukan tambahan sebanyak RM5,506,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM339,000.00 adalah pembayaran emolumen kepada semua anggota pejabat dan baki sebanyak RM5,167,000.00 adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM2,294,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1,130,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada semua anggota pejabat dan RM1,100,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat. RM36,000.00 adalah bagi pembelian harta modal-harta modal pejabat dan baki sebanyak RM28,000.00 adalah untuk pembayaran ganjaran kepada anggota-anggota kontrak.

Bagi Maksud Bekalan B.04, Perbendaharaan Negeri, peruntukan tambahan sebanyak RM2,473,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM400,000.00 adalah bagi pembelian harta modal-harta modal pejabat, RM12,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan pembelian dan gunaan barang tetap kepada anggota-anggota pejabat yang bersara dan kontrak dan baki sebanyak RM2,061,000.00 adalah bagi pembayaran pulang balik dan hapus kira pejabat.

Bagi Maksud Bekalan B.05, Dewan Negeri. Peruntukan tambahan sebanyak RM266,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM30,000.00 adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat. Dan, baki sebanyak RM236,000.00 adalah bagi pembelian harta modal-harta modal pejabat.

Bagi Maksud Bekalan B.06, Pelbagai Perkhidmatan. Peruntukan tambahan sebanyak RM2,464,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini adalah supaya penggunaan wang berjumlah RM315,000.00 bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian; RM4,125,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran dan RM747,000.00 bagi Maksud B.10, Jabatan Haiwan; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B.07 Jabatan Pertanian Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM315,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM170,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota dan RM100,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat. Dan baki sebanyak RM45,000.00 adalah bagi pembayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara.

Bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM4,125,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1,450,000.00 adalah bagi bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. RM2,571,000.00 lagi adalah untuk perolehan aset bagi pembelian pam air selam hidraulik dan baki sebanyak RM104,000.00 bagi pembayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara.

Bagi Maksud B.10, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor. Peruntukan tambahan sebanyak RM747,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan kos bagi pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM146,000.00 adalah untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan, manakala baki sebanyak RM601,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan untuk mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini adalah supaya peruntukan wang berjumlah RM243,000.00 bagi Maksud B.12, Kebun Bunga Kerajaan; RM410,000.00 bagi Maksud B.14, Kerajaan Tempatan dan RM47,000.00 bagi B.16, Landskap jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Bagi Maksud B.12, Pejabat Kebun Bunga Kerajaan Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM243,000.00 adalah perlu untuk menampung kekurangan kos bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM190,000.00 adalah untuk membayar emolumen kepada anggota-anggota pejabat, manakala baki sebanyak RM53,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Bagi Maksud B.14 pula, Pejabat Kerajaan Tempatan Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM410,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan kos kerana pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM340,000.00 adalah untuk membayar emolumen kepada anggota-anggota,

manakala baki sebanyak RM70,000.00 lagi adalah untuk belanja perkhidmatan dan bekalan pejabat. Manakala Pejabat Landskap Negeri Johor di bawah Maksud B.16, peruntukan tambahan sebanyak RM47,000.00 adalah diperlukan untuk menampung kekurangan kos bagi pengurusan pejabat juga. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM15,000.00 adalah untuk membayar kerja-kerja lebih masa kepada anggota-anggota jabatan manakala bakinya sebanyak RM32,000.00 itu adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM228,000.00 bagi Maksud B.19, Jabatan Hutan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.19, Pejabat Perhutanan Negeri Johor. Peruntukan tambahan sebanyak RM228,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM40,000.00 adalah untuk menampung pembayaran tuntutan kerja-kerja lebih masa kepada anggota-anggota jabatan, manakala baki sebanyak RM188,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,565,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama dan RM1,617,000.00 bagi maksud B.22, Pendidikan Agama Islam jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama, peruntukan tambahan sebanyak RM1,565,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pembayaran emolument kepada semua anggota jabatan.

Dan bagi Maksud Bekalan B.22, Pendidikan Agama Islam peruntukan tambahan sebanyak RM1,617,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1,153,000.00 adalah bagi pembayaran emolument kepada semua anggota jabatan dan baki sebanyak RM464,000.00 lagi adalah untuk pembayaran ganjaran kepada anggota-anggota kontrak.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM466,000.00 bagi Maksud B.23, Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.23, Kebajikan Masyarakat, peruntukan tambahan sebanyak RM466,000.00 diperuntukkan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM146,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada semua anggota jabatan; RM15,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan jabatan dan baki sebanyak RM305,000.00 adalah untuk pembelian kenderaan dan jentera jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,570,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya. Peruntukan tambahan sebanyak RM1,570,000.00 perlu untuk menampung kekurangan kos bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut RM270,000.00 adalah untuk membayar tuntutan kerja-kerja lebih masa anggota-anggota jabatan manakala baki sebanyak RM1.3 juta adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM10,815,000.00 bagi Maksud B.27, Unit Sains Teknologi dan ICT jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud B.27, Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM10,815,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan kos bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM10,660,000.00 adalah untuk pembayaran sebahagian projek prasarana maklumat Kerajaan Negeri Johor Fasa kedua, sementara baki sebanyak RM150,000.00 lagi adalah untuk perolehan perkakasan komputer.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,259,000.00 bagi Maksud B.29, Mahkamah Syariah dan RM42,000.00 bagi Maksud B.32, Jabatan Mufti jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.29 Mahkamah Syariah. Peruntukan tambahan sebanyak RM1,259,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM485,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada semua anggota jabatan. RM716,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan jabatan dan baki sebanyak RM58,000.00 lagi adalah untuk pembayaran ganjaran kepada anggota-anggota kontrak.

Dan bagi Maksud Bekalan B.32 Jabatan Mufti, peruntukan tambahan sebanyak RM42,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan jabatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM12,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada semua anggota jabatan dan baki sebanyak RM30,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan bekalan dan bahan-bahan mentah jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM74,000.00 bagi Maksud B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru; RM14,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat; RM337,000.00 bagi Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat; RM331,000.00 bagi Maksud B.46, Pejabat Daerah Kluang; RM306,000.00 bagi Maksud B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi; RM81,000.00 bagi Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing dan RM366,000.00 bagi Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru peruntukan tambahan sebanyak RM74,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Dan daripada jumlah tersebut, sebanyak RM57,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada semua anggota pejabat dan baki sebanyak RM17,000.00 lagi adalah untuk pembayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota pejabat yang bersara.

Bagi Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat, peruntukan tambahan sebanyak RM14,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM10,000.00 adalah bagi perbelanjaan bekalan dan bahan-bahan mentah pejabat. Dan, baki sebanyak RM4,000.00 lagi adalah untuk pembayaran ganjaran kepada anggota-anggota kontrak.

Bagi Maksud Bekalan B.45, Pejabat Daerah Segamat, peruntukan tambahan sebanyak RM337,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan

perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM129,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota pejabat. RM190,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat dan baki sebanyak RM18,000.00 adalah bagi pembelian harta modal-harta modal pejabat.

Bagi Maksud Bekalan B.46, Pejabat Daerah Kluang, peruntukan tambahan sebanyak RM331,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM296,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota pejabat dan baki sebanyak RM35,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Bagi Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi, peruntukan tambahan sebanyak RM306,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM141,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota pejabat. Dan baki sebanyak RM165,000.00 adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Bagi Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing, peruntukan tambahan sebanyak RM81,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM70,000.00 adalah bagi perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat dan baki sebanyak RM11,000.00 adalah bagi pembayaran gantian cuti kepada anggota-anggota pejabat yang bersara.

Bagi Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya, peruntukan tambahan sebanyak RM366,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota pejabat.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,638,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah dan Galian; RM365,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM75,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM319,000.00 bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM104,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM476,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM275,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang; RM341,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM98,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Mersing dan RM241,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi bagi Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor. Peruntukan tambahan berjumlah RM1,638,000.00 diperlukan untuk diagihkan kepada perbelanjaan emolumen sebanyak RM340,000.00, perkhidmatan dan bekalan sebanyak

RM1,120,000.00, pemilikan aset sebanyak RM25,000.00 dan baki sebanyak RM153,000.00 untuk pemberian dan kenaan bayaran tetap.

Bagi Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru. Peruntukan tambahan berjumlah RM365,000.00 diperlukan untuk diagihkan kepada perbelanjaan emolumen sebanyak RM84,000.00. Perkhidmatan bekalan sebanyak RM60,000.00 dan baki sebanyak RM221,000.00 adalah untuk menampung pembelian aset pejabat.

Bagi Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Muar, peruntukan tambahan berjumlah RM75,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi menampung pembelian aset pejabat.

Bagi Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat, peruntukan tambahan berjumlah RM316,000.00 diperlukan untuk diagihkan kepada perbelanjaan emolumen sebanyak RM184,000.00. Perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM90,000.00 dan baki sebanyak RM45,000.00 adalah untuk menampung pembelian aset pejabat.

Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian, peruntukan tambahan sebanyak RM104,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota pejabat.

Bagi Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat. Peruntukan tambahan berjumlah RM476,000.00 diperlukan untuk diagihkan kepada perbelanjaan emolumen sebanyak RM268,000.00, perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM185,000.00 dan baki sebanyak RM23,000.00 untuk pemilikan aset pejabat.

Bagi Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang, peruntukan tambahan berjumlah RM275,000.00 diperlukan untuk diagihkan kepada perbelanjaan emolumen sebanyak RM205,000.00. Perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM52,000.00 dan baki sebanyak RM18,000.00 adalah untuk menampung pembelian aset pejabat.

Bagi Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi, peruntukan tambahan sebanyak RM341,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM289,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota pejabat dan baki sebanyak RM52,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Bagi Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing, peruntukan tambahan sebanyak RM98,000.00 diperlukan untuk menampung pertambahan perbelanjaan bagi pengurusan pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM68,000.00 adalah bagi pembayaran emolumen kepada anggota-anggota pejabat dan baki sebanyak RM30,000.00 lagi adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan pejabat.

Bagi Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya, peruntukan tambahan berjumlah RM241,000.00 diperlukan untuk diagihkan kepada perbelanjaan emolumen sebanyak RM152,000.00. Perkhidmatan dan bekalan sebanyak

RM13,000.00, pemilikan aset sebanyak RM68,000.00 dan baki sebanyak RM8,000.00 untuk pemberian dan kenaan bayaran tetap.

Y.B. Dato' Pengerusi: Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

JURUTULIS : FASAL 2.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

JURUTULIS : FASAL YANG PERTAMA.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Perkara di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2008) (No.2) Tahun 2008 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

JURUTULIS : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut : Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2008) (No.2) Tahun 2008.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, ha'ah, bulan puasa.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, ada ucapan penangguhan mesyuarat. Dengan ini saya menjemput Dr. Boo Cheng Hau, jemput. Jemput, Doktor. 10 minit mengikut peraturan ya, dan apa yang termaktub dalam peraturan sahaja. Jemput.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Selamat pagi dan selamat sejahtera. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker untuk memberikan saya peluang untuk memberikan ucapan penangguhan di sini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini saya ingin merayu kepada pihak Kerajaan supaya mengkaji semula Skim Belian Balik Bersyarat Dana Johor. Pelabur Dana Johor mengharapkan Skim Dana Johor (SBBB) Dana Johor boleh diberikan harga belian yang saksama dengan Amanah Saham Johor. Sebab ini akan meyakinkan pelabur asing jika Kerajaan Negeri Johor boleh mengemukakan Dasar Kewangan yang lebih konsisten.

Menurut laporan Ketua Audit Negara 2007, Johor telah berhutang awam sebanyak RM841 juta dan baki defisit negeri kita adalah RM335 juta setakat tahun 2007. Pihak Pakatan rakyat akan menyokong apa-apa usaha untuk menambahkan pendapatan Kerajaan Negeri Johor yang setimpal dengan usaha mencapai defisit sifar dan juga akan memajukan ekonomi negeri dan meyakinkan para pelabur. Dasar Ekonomi yang berlandaskan atas ketulusan integriti agensi-agensi Kerajaan Negeri akan disokong. Dan, usaha-usaha mempertingkatkan produktiviti dan modal insan untuk membangunkan pendidikan alternatif seumpamanya Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Berbahasa Mandarin, Tamil, Inggeris dan Sekolah Vokasional berbagai jenis juga akan digalakkan.

Skudai berharap cukai tanah institusi pendidikan khasnya untuk pendapatan yang tanpa beruntung boleh dikecualikan dan juga diberikan peruntukan kepada Sekolah-Sekolah Agama Rakyat, SJKC, SJKT dan lain-lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dasar-dasar berjangka masa panjang seharusnya ditetapkan untuk membangunkan sistem pelajaran alternatif. Kerajaan, satu contoh yang boleh diteladani adalah Kerajaan Negeri Perak sudah memperuntukkan tanah kurniaan kerajaan seluas 1,000 hektar kepada 9 buah Sekolah Menengah Persendirian Tionghoa.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : 300 hektar tanah...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ikut tak teks ni? Yang Berhormat beri kepada saya... lain. Dia tak boleh ubah.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya sudah ringkaskan yang...

Y.B. Dato' Speaker : Tak apa. Yang Berhormat kena baca apa yang diberi ni. Dia tak boleh Yang Berhormat cari yang lain, tambah yang lain. Saya tengok eh, tak ada kena mengena ni pulak ni.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ok, ok.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat kena baca ni. Ucapan penangguhan itu peraturan, bukan saya tak benarkan, dia apa yang diedarkan kepada saya, itu Yang Berhormat kena baca. Tak boleh tambah yang lain. Tengok, tak ada Yang Berhormat sebut-sebut tu.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ok, muka surat yang ketiga.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, baca apa yang ada.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, ini seumpama kelas karangan SPM eh. Kita terpaksa baca teks dari satu perkataan ke satu perkataan...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, tak apa, itu Ucapan Penangguhan aje.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Saya cuba ringkaskan sebab masa tak cukup.

Y.B. Dato' Speaker : Ha oklah, tapi tak ada yang sebut itu tadi. Ha, nombor 3, apa dia?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ok, Dasar Pengurusan Hasil Dana juga dikemaskinikan untuk mempertingkatkan pendapatan Kerajaan Negeri. Hak milik tanah yang lebih kekal akan memperkayakan rakyat dan mempertingkatkan pendapatan Kerajaan Negeri dan juga akan meyakinkan para pelabur.

Skudai mencadangkan Yang Berhormat Dato' Speaker, hak milik pegangan bebas sepatutnya diutamakan sebab banyak masalah setinggan timbul. Bukan mereka sengaja nak menjadi setinggan dan mereka dijadikan setinggan sebab Kerajaan Negeri tidak mengurniakan hak milik pegangan bebas atau pajakan kepada mereka. Saya bagi satu contoh, Kampung Baru Plentong Tengah. Penduduk terpaksa berpindah atas Perintah Mahkamah pengosongan pada 14 Ogos, tapi ditangguhkan sehingga 15 Oktober tahun ini. Ini bermakna masih dalam bulan Raya mereka terpaksa mencari tempat lain untuk berpindah. Walaupun kerajaan telah memperuntukkan tanah di Bukit Dagang Ulu Tiram sebanyak 123 lot daripada 220 lot tanah, tetapi sebahagian 321 keluarga Kampung Melayu Plentong Tengah masih sebahagian besar masih tidak dapat tempat tapak baru untuk berpindah. Adalah di sini saya merayu supaya Kerajaan Negeri Johor membantu mereka yang nak, masih mencari tapak baru untuk berpindah pada bulan Raya ini. Mereka menghadapi masalah sebab tidak sempat membina rumah baru di Bukit Dagang dan ketidakadaan kemudahan-kemudahan asas di Bukit Dagang dan juga ramai pesara yang menggunakan simpanan KWSP...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat ni salah lagi. Yang Berhormat tak boleh baca lain, dia punya... Yang Berhormat tak boleh buat karangan baru. Yang Berhormat mesti kena ikut teks. Kalau tak, saya tak benarkan. Ini peraturan. Yang Berhormat tak ada langsung. Yang Berhormat saya tahu, Yang Berhormat nak pendek tapi Yang Berhormat buat cerita lain. Tak ada kena mengena yang dalam ini, tak boleh. Yang Berhormat baca je yang apa Yang Berhormat tulis kepada saya.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ini maklumat yang terbaru, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, tak boleh. Ini dah saya terima yang ada pada saya. Dahlah dikasikan Yang Berhormat. Ikut teks. Kalau tak ikut teks kerajaan pun tak nak jawab, jawab pun tak tentu lagi.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Muka surat yang keempat, Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat kena baca apa Yang Berhormat tulis tu.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Tapi, ikut peraturan juga tak boleh baca teks.

Y.B. Dato' Speaker : Boleh. Dalam Ucapan Penangguhan, teks yang diedarkan boleh dibenarkan. Saya benarkan Yang Berhormat baca mengikut teks yang Yang Berhormat diedarkan. Yang Berhormat mana boleh hafal. Boleh hafal tutup lepas tu? Tak boleh kan? Jadi, Yang Berhormat kena bacalah, tak apa. Sila ikut dalam peraturan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Oklah, saya baca. Yang Berhormat Dato' Speaker, pembahagian hak milik tanah Kampung Poh Chi Leng telah dijanjikan...

Y.B. Dato' Speaker : Dah mana pulak muka surat ni...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Setakat ini belum ada tanda-tanda...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, yang mana ni? Langsung tak ada Yang Berhormat. Yang Berhormat ada tak...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ini bukan demokrasi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, demokrasi...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Kita ini bukan kelas karangan SPM. Ada maklumat yang terbaru, saya sebutkan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang mengikut peraturan tempat ini sebaik sahaja dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri, apa-apa isu boleh dipanggilkan dalam lingkungan yang saya serahkan teks.

Y.B. Dato' Speaker : Duduk sekejap. Duduk, duduk. Duduk! Yang Berhormat ni terpelajar. Saya bukannya tak kasi Yang Berhormat berucap, tak kasi Yang Berhormat bercakap. Kasi... Cuma Yang Berhormat ikut peraturan Ucapan Penangguhan. Satu salinan teks ucapan hendaklah diserahkan kepada Speaker. Teks ucapan, Yang Berhormat faham teks ucapan? Makna teks Yang Berhormat akan berucap. Bila, nantilah dengar.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Peraturan tetap ada disebut mesti ikut teks? Tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Apa pulalah tak ada Yang Berhormat. Saya duduk dalam ni sejak...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ini bukan negara komunis.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah. Yang Berhormat nak cakap ke tidak? Kalau tak saya tangguhkan dalam 10 minit. Yang Berhormat tak usahlah nak jadi jaguh yang perkara yang tak patut. Ini perkara yang kecil Yang Berhormat nak jadikan heboh. Esok keluar surat khabar, Speaker begini. Ini jadilah orang yang terbaik, yang boleh dihormati. Sebut. Saya tak marah Yang Berhormat nak sebut, tapi apa salah sebut teks salinan Yang Berhormat beri kepada saya. Bila saya tegur Yang Berhormat nak bangkit demokrasilah, itulah. Tapi tak ikut peraturan. Bila tak ikut Yang Berhormat kata muka berapa. Saya dah baca dah lama ada peraturan tu. Dah nak dekat habis masa dah. Kalau Yang Berhormat baca dah habis dah tadi.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat, boleh saya bincang salinan sana? Yang Dato' Speaker suruh bawa.

Y.B. Dato' Speaker : Dah, dah, dah. Tak ada masa. Yang Berhormat ingat ini pasar ke nak boleh baca sana, tarik sini? Yang Berhormat kenalah hormat sikit Yang Berhormat, dalam Dewan ini. Hormat sikit Dewan. Yang Berhormat orang terpelajar. Tahu aturan, tahu undang-undang. Tak usahlah jadikan kecoh. Saya tak pernah jadi kecoh. Ini rakan-rakan yang lain, Barisan pun marah saya, kata beri lebih. Saya ikut peraturan, bukan saya tak kasi Yang Berhormat berucap. Tapi Yang Berhormat timbul perkara yang bukan-bukan yang lain yang tak ada yang... Kalau kerajaan nak jawab macam mana nak jawab ucapan Yang Berhormat yang begini tak ada? Ok, saya beri lagi dua minit. Yang Berhormat kena ikut teks, itu je. Bukan tak kasi baca, ikut je teks, apa yang susah? Saya izinkan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat, saya minta maaf. Ini yang teks yang terbaru yang saya ada. Yang teks lama itu saya cuma tambah sikit yang butir-butir yang terbaru. Itu saja.

Y.B. Dato' Speaker : Itulah kata saya, tak boleh tambah Yang Berhormat. Lailahailallah. Yang Berhormat lain kali kalau buat, buatlah betul-betul Yang Berhormat.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, Dasar-dasar Ekonomi kekurangan ketulusan akan menghindar kemajuan ekonomi selanjutnya. Misalnya pelesenan iklan MPJBT dan MBBJ telah diswastakan sehingga kos pelesenan dan pemasangan, pemprosesan dan caj servis sepanduk dan banting lebih tinggi daripada kos pembuatan sepanduk dan banting itu sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada bulan Julai ini, pembinaan, Yang Berhormat Dato' Speaker, pembinaan infrastruktur baru mesti berjalan secocok dengan usaha membaik pulih pasaran hartanah dan projek-projek perumahan terbengkalai dan unit-unit perumahan individu terbengkalai sebab dilelong oleh bank.

Yang Berhormat Dato' Speaker, permasalahan rumah-rumah dan projek-projek perumahan terbengkalai mesti dikaji semula.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Dah habis 10 minit.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, saya nak ingatkan Yang Berhormat. Dalam Ucapan Penangguhan mesti *by note* ada dalam Fasal 119(1) 'Berucap kepada Dewan dalam sebarang perkara yang telah diberitahu terlebih dahulu kepada pihak Jurutulis,' Yang Berhormat telah hantar dulu tu eh. Dan saya ingatkan lagilah Yang Berhormat haraplah perkara-perkara yang telah Yang Berhormat beritahu tu hendaklah itu sahaja yang dibaca dalam ini.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Ya.

Y.B. Dato' Speaker : Jadi, Yang Amat Berhormat nak jawab? Em, nasib baik Yang Amat Berhormat nak jawab.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Skudai di antaranya ialah mengenai Dana Johor. Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa Johor Corporation di peringkat untuk melihat penyelesaian yang muktamad jika sekiranya Ahli Yang Berhormat membandingkan antara penyelesaian Amanah Saham Johor dengan Dana Johor, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa penyelesaian yang akan dibuat ialah untuk memastikan ada penyelesaian yang agak adil kepada pelabur-pelabur. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kita merasa lega kerana sekurang-kurangnya Amanah Saham Johor telah dapat diselesaikan. Oleh yang demikian, oleh kerana Dana Johor juga merupakan satu dana yang agak besar dari segi nilainya iaitu RM500 juta, maka dia memerlukan satu penyelesaian untuk pembiayaan yang agak besar.

Oleh itu Yang Berhormat Dato' Speaker, jika sekiranya pada 5 tahun yang pertama ini, jualan balik adalah pada paras RM0.50. Oleh itu, ingin saya memberi maklumat di sini bahawa ianya akan melihat kemungkinan untuk penyelesaian yang seadil yang boleh kepada pemilik, pemegang saham Dana Johor.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat membangkitkan tentang soal sewaan tanah kepada sekolah-sekolah. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, ingin saya maklumkan di sini bahawa Sekolah Jenis Kebangsaan, sama ada Kebangsaan ke, Jenis Kebangsaan Cina ke, Jenis Kebangsaan Tamil, maka sewa tanah ialah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan iaitu melalui Kementerian Pendidikan. Jadi, saya percaya Yang Berhormat sepatutnya mendapat maklumat yang tepat. Maka, tidak membangkit soal sewaan tanah di sekolah-sekolah ini, termasuk Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan, Cina ke, Tamil ke.

Sementara itu pula Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sejak 2006 lagi telah membuat keputusan bahawa sewaan kepada Sekolah Bantuan Modal sama ada Bantuan Modal Cina ke ataupun Tamil ke, termasuk juga Sekolah Agama Rakyat eh, maka sewa tapak sekolah ialah RM1.00, RM1.00. Kita dah buat lebih awal dah. Lebih awal daripada mana-mana pihak yang lain. Sekadarkan yang ingin saya menjelaskan di sini bahawa, maka, sekolah yang berkenaan perlu memohon dengan mengisi borang, apa dipanggil borang SBM 1, itu je. Isi borang, untuk kita mengesahkan bahawa itu daripada Jabatan Pendidikan, itu Sekolah Bantuan Modal. Dan, jika sekiranya ada cukai tanah yang tertanggung, maka isilah borang SBM 2 untuk kita pertimbangkan supaya dapat dipertimbangkan dimansuhkan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, janganlah digunakan isu ini sebagai satu isu politik kerana kita menerima hakikat bahawa sekolah-sekolah ini dia tidak memerlukan bukan satu bentuk... Kita mengambil pendekatan bahawa dia bukan satu bentuk perniagaan. Dia adalah untuk pembangunan insan. Jadi, kita merumuskan dengan mengenakan cukai RM1.00.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai kes setinggalan orang yang menumpang di tanah yang di kampung, dipanggil Kampung Plentong, Plentong, Kampung Plentong Tengah.

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Betul Ya. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, sejarahnya saya percaya Yang Berhormat dah kesanlah. Ini bukan tanah kerajaan, ini tanah orang, tanah pemilik-pemilik. Jadi, dari segi sejarahnya, ya lah, lebih kurang 291 orang menumpang di situ, katanya, pemilik tanah pada masa tersebut yang bernama Oakfield Enterprises membuat tawaran kepada mereka untuk membeli tanah-tanah tersebut pada saiz lot 6,000 kaki persegi, kepada mereka yang duduk di situ, maka dibeli secara terus, tidak dibeli melalui orang perantara pada kos RM5.00 satu kaki persegi dan bayar cengkeram 10 peratus dan seterusnya.

Tapi sahnya Yang Berhormat Dato' Speaker, jualan tanah-tanah ini tidak dibuat secara rasmi. Maka perjanjian jual beli di antara kedua pihak tidak rasmi, tidak diuruskan secara rasmi. Dan selepas itu, pemilik tanah pula membuat usaha sama dengan satu syarikat yang lain, syarikat dipanggil, Beijing Shanyue Sdn. Bhd., tukar nama kepada Bukit Lenang, Bukit Lenang Sdn. Bhd. Dan Bukit Lenang ini pula nak membawa pembangunan di situ. Dan, oleh kerana penduduk membawa kes ini ke Mahkamah, dua kali Mahkamah Tinggi

membuat keputusan sampai kepada Mahkamah Rayuan di mana keputusan muktamad di peringkat rayuan, supaya penduduk meninggalkan kawasan tersebut untuk pembangunan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan telah pun menawarkan satu tapak dipanggil Bukit Dagang untuk mereka berpindah. Jika sekiranya mereka dah bersetuju agak lama dulu, tanpa menunggu keputusan Mahkamah di peringkat Mahkamah Rayuan, saya percaya kerja-kerja untuk membina kemudahan infrastruktur telah pun dapat kita laksanakan sempena dengan persetujuan mereka untuk berpindah di situ. Tapi, oleh kerana mereka nak tunggu juga keputusan Mahkamah di situ, maka pembinaan *infrastructure* tertangguh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita berasa begitu prihatin terhadap perkara ini. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah pun menawarkan terlebih dahulu untuk masyarakat ini berpindah kepada satu rumah yang boleh dia sewa. Kita dah pun kenal pasti kemudahan untuk menyewa rumah sementara dulu, bagi kadar RM1.00 sebulan, RM100.00 sebulan, 3 bilik, 1 bilik air di Taman Cendana 1. Ada 24 unit di situ dan di Bandar Seri Alam, 26 unit. Dan kita tawarkan juga untuk penempatan sementara di Taman Desa Mutiara, Tebrau, dengan kemudahan 3 bilik, 2 bilik air pada sewaan RM124.00. Dan, ini masa kepada kita membina *infrastructure* di Bukit Dagang.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap Yang Berhormat daripada, Yang terhormat daripada Skudai, agak, yalah, dapat maklumat yang tepat sempena dengan sedikit-sedikit huraian yang saya berikan tadi.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, apa lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Skudai tadi, saya, mengenai hutang-hutang kerajaan. Dato' Speaker, jumlah hutang Kerajaan Negeri Johor ialah sebanyak RM841 juta. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah RM841 juta itu, RM689 juta bersamaan dengan 82 peratus adalah pinjaman daripada Agensi Kerajaan iaitu Syarikat Air Johor dengan Perbadanan Johor. Pinjaman Kerajaan ini adalah sebanyak RM151 juta bersamaan dengan 18 peratus. *Sorry*, 18 peratus.

Jadi, untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat, bahawa di antara pinjaman dalam bidang air ini Yang Berhormat Dato' Speaker, ialah untuk membekalkan air ke luar bandar. Jadi, kita sudah pun berhujah, bahawa, cuba Yang Berhormat Dato' Speaker bayangkan, Kerajaan Negeri terpaksa meminjam daripada Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat untuk membekalkan air luar bandar.

Jadi, pada akhirnya saya percaya, Kerajaan Persekutuan dah setuju untuk menimbang untuk mengubah pinjaman kepada pemberian dalam bentuk geran. Tapi, ingin saya tegaskan di sini bahawa Syarikat Air Johor, insya-Allah akan, boleh dikatakan semuanya akan selesai sempena dengan satu keputusan yang sedang pun hendak dilaksanakan, insya-Allah sebelum akhir tahun ini, di mana melalui penubuhan satu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara untuk menguatkuasakan Akta Industri Bekalan Air, maka Syarikat Air Johor sedang pun dalam proses untuk kita memutuskan satu, apa yang dipanggil migrasi kepada satu rejim pelesenan yang baru.

Melalui proses ini, segala aset *infrastructure*, di dalam Syarikat Air Johor bersama-sama dengan tanggungannya yang berkaitan dengannya akan diambil alih oleh Syarikat Pengurusan Aset Air Berhad yang dimiliki oleh Perbendaharaan Malaysia, Kementerian Kewangan yang diperbadankan. Maka pemindahan tanggungan tersebut juga adalah menjadi pemindahan baki pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin tegaskan di sini bahawa, pinjaman dalam bab air ini sebenarnya ialah untuk bekalan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan kalau pun ada hutangnya. Tapi agak lebih munasabah ia sepatutnya dalam bentuk geran. Tapi tak apalah, akhirnya kita ada satu penyelesaian yang terbaik dalam sektor air ini untuk seluruh negara. Maka Negeri Johor di antara negeri yang paling awal mengambil kesempatan terhadap kewujudan satu penyelesaian dalam bidang air ini, akan berlaku satu migrasi, di mana segala aset, segala liabiliti yang ada pada Syarikat Air Johor, diambil alih oleh sebuah syarikat dimiliki oleh Perbendaharaan diperbadankan Kementerian Kewangan. Jadi, maka Yang Berhormat Dato' Speaker, sebahagian besar kalau ada hutang pun rasa Yang Berhormat daripada Skudai sebut-sebut sebentar tadi, sebenarnya akan diselesaikan dengan mudahnya.

Maka, termasuk Johor Corporation, dia pinjam pun untuk tujuan pembangunan, penyertaan bumiputera melalui Perbadanan Johor. Dan untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, Perbadanan mampu membayar dan membayar pinjaman tersebut. Perbadanan Johor hanya boleh meminjam daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kerajaan Negeri. Maka Kerajaan Negeri mengikut peraturannya terpaksa memberi jaminan. Itu sajalah caranya Dato' Speaker. Jadi, Johor Corporation di antara yang terbaik. Bahkan, kalau Yang Berhormat dapat mengesan, Johor Corporation hanya satu-satunya Agensi Kerajaan, hanyalah satu Jabatan Kerajaan di seluruh negara yang mendapat *rating four star*. Selain daripada *four star*, dari segi pengurusan dia juga mampu membayar pinjaman.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada huraian yang saya sebutkan tadi, ada pinjaman Kerajaan Negeri yang saya katakan tadi lebih kurang RM151 juta. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, cara nak membayar RM151 juta ni di antaranya ialah daripada sumber belanjawan tahunan Kerajaan Negeri sempena dengan kemampuan kita daripada hasil Kerajaan Negeri. Keduanya Dato' Speaker, kita bersetuju juga satu amalan Kerajaan Pusat ambil, untuk memotong pemberian tahunan 15 peratus setahun. Ketiganya Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, Dewan ini bahawa, Kerajaan Pusat pun ada berhutang dengan Kerajaan Negeri. Lebih-lebih lagi bila Kerajaan Pusat nak mengambil alih tanah-tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Dia nakkan tanah-tanah Kerajaan Negeri, untuk yang kita katakan *reserve*, diperuntukkan untuk tujuan tertentu, maka Kerajaan Persekutuan minta supaya dia diberikan *title*, hak milik melalui Ketua Pengarah...

Y.B. Dato' Speaker : Tanah dan Galian.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Ketua Pengarah Tanah dan Galian Malaysia. Jadi, bila dia minta hak milik atas nama KPTG, maka Kerajaan Negeri boleh mengenakan premium. Jadi itu saja dekat ratus juta Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Erm...

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Ini, oleh itu, saya ingat eloklah Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui Dewan ini juga dapat dijelaskan kepada Ahli Yang Berhormat daripada Skudai, dan saya harap ke seluruh negeri bahawa kedudukan hutang sebenarnya adalah, hutang yang gunanya, kegunaannya adalah untuk rakyat dan kita dapat menyelesaikan hutang tersebut.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, sempena dengan Yang Berhormat daripada Skudai ada menyebut tentang *assessment* yang dibuat oleh Ketua Audit Negara, maka kita berasa agak gembira juga apabila JCorp. mendapat *Four Star ratingnya*, pada *percentage*, peratusan 92.7 peratus. Dan pengurusan Kerajaan Negeri, pengurusannya, maka Perbendaharaan Negeri Johor mendapat *three star. Three star*. Dan *three star* itu pada paras *percentage* 88.02 peratus. Kurang 2 peratus *will become four star*. (Dewan bertepuk).

Y.B. Dato' Speaker : Oh...

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, dan kita tidaklah, memang ada kelemahan di sana sini. Jadi, kita menghargai apa yang dikaji oleh pihak Ketua Auditor, Ketua Audit Negara, yang mana pembaikan-pembaikan yang dicadangkan, kita akan ambil langkah-langkah susulan. Jadi Yang berhormat Dato' Speaker, rata-rata saya percaya perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Skudai tadi telah dapat saya jelaskan.

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau sekiranya ada peruntukan dalam peraturan mengenai Ucapan Tangguhan, serba sedikit saya juga ada pengalaman dalam Parlimen Malaysia. Dan saya *check* juga bahawa apabila ada Ucapan Penangguhan, maka Ucapan itu tertakluk kepada apa yang disampaikan oleh Speaker. Maka bacalah. Jadi, kerajaan mengambil langkah, sama ada, ada peruntukan mengatakan boleh jawab, tak nak jawab pun boleh, nak jawab pun boleh. Jadi kita, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap kalaulah, bukan saja kita merujuk kepada peruntukan yang ada dalam peraturan tetapi mungkin juga ada amalan yang boleh menjadi contoh kepada kita dalam bab Ucapan Penangguhan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapkan penghargaan di atas kesempatan daripada Yang Berhormat Dato' Speaker untuk saya menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan sebentar tadi.

Y.B Dato' Speaker : Ok, terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya harap Yang Berhormat daripada Skudai berasa lapang, dah dijawab oleh Yang Amat Berhormat. Cumanya ada 1 atau 2 kes Yang Amat Berhormat jawab tadi tu, kes

saya tu dulu tu sampai saya pergi Mahkamah, tanah Plentong di sebelah penduduk, kalah juga. Jadi Yang Berhormat, tu *time* saya tu. Dan, terima kasih kerajaan, *time* saya juga tanah dapat tu. Cuma bertambah-tambah sajalah. Biasa sajalah tu heh. Lepas ni sepanjang Ramadhan tak ada persidangan. Jadi, saya ucapkan Selamat Menyambut Hari Raya akan datang tapi puasa dulu. Jangan tak jumpa. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga satu masa yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:55 pagi.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis

Encik Mohd. Haffiz bin Haji Ahmad

Penolong Jurutulis

Cik Shubannah binti Yusuf

Kordinator

Encik Abdul Rahman bin Mohd. Yusof

Pemberita Dewan

Puan Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan

Cik Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Tadbir (Mesyuarat)

Puan Zainah binti Mansor

Pembantu Tadbir Rendah

Puan Hanita binti Mohamed
Puan Fakhrinnazia binti Fuad

Pembantu Am Rendah

Encik Ahmad Amizan bin A. Samad
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Mohamad Khirunizam bin Pahmi

Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)

Puan Zalina binti Ali
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

Puan Inson binti Abdul Wahab
Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan)

Puan Saniah binti Kassim
Pejabat Setiausaha Kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa

Puan Ra'biah binti Abd. Hamid
Pejabat Mufti Johor

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

Puan Lindawati binti Othman
Pejabat Pengarah Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ)

Puan Aidah binti Kinot
Pejabat Mekanikal JKR Johor

Puan Suriati binti Abdul Hajar
Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor

Puan Norliza binti Md Aris
Pejabat Setiausaha Politik Menteri Besar Johor

Rakaman

Encik Abdul Rahman bin Elias
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Encik Mohd. Suhazli bin Mohd. Nordin
Jabatan Penerangan Negeri Johor

**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR**

6 Oktober 2008

MHHA/as/G: penyata rasmi 9 September 2008